



## " AHLAN BIKA YA RAMADHAN "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ  
الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى  
وَالْفُرْقَانِ ...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ  
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa seterusnya berjaya dan selamat di dunia serta di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk : **"AHLAN BIKA YA RAMADHAN"**.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya orang yang mempunyai keperibadian yang mulia dan akhlak yang tinggi akan melayan tetamu yang berkunjung dengan baik, segala keperluan makan minum dan tempat tinggal disediakan, segala tingkah laku yang boleh menyinggung tetamu tersebut akan dihindarkan atau disembunyikan sementara supaya tetamu tidak berkecil hati, apa lagi jika yang datang itu tetamu istimewa yang sangat dihormati.

Hari ini sekali lagi kita diberi peluang untuk kesekian kalinya mengungkapkan ucapan aluan dengan ketibaan tetamu agung Ramadhan yang diutus khas oleh Allah SWT, ia adalah satu-satunya bulan yang hanya disebut namanya dalam kitab suci al-Quran,

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى  
لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ٢١٧



Dan disambut dengan doa kita;

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ أَهْلُهُ عَلَيْنَا بِالْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ  
وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، وَالتَّوْفِيقِ لِمَا تُحِبُّ  
وَتَرْضَى، رَبَّنَا وَرَبُّكَ اللَّهُ.

*"Allahu akbar, Allah Maha Agung!, Ya Allah kurnikan kepada kami keamanan dan keimanan, keselamatan dan keislaman, taufiq dan hidayahmu kepada perkara yang engkau sukai dan redha. Wahai hilal, tuhan kami dan tuhanmu hanyalah Allah". Ahlan bika ya Ramadhan....*

Kita haruslah berusaha bersungguh-sungguh melayan dan memenuhi kehendaknya dengan penuh takzim dan mengharap dapat meraih timbunan ganjaran yang tidak akan kehabisan. Sebagai persiapan menyambut tetamu agung tersebut maka hari ini khatib ingin melontarkan persoalan yang juga pernah dibuat oleh Almarhum Syahidul Mihrab Syeikh Said Ramadhan Al-Buti pada suatu masa dulu, soalan yang berbunyi: Benarkah masyarakat Islam berpuasa pada kedatangan Ramadhan? Syeikh Al-butu tidak menapikan bahawa semua individu muslim bersungguh-sungguh menjalani ibadah puasa dengan menahan diri dari makan minum pada siang hari dan solat tarawih serta qiam pada malamnya, semuanya ini menunjukkan ketakwaan yang tinggi di sisi Allah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 32;



# ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

*"Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar agama Allah, maka (dialah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin".*

Namun yang menjadi kerisauan al-Buti ialah apakah masyarakat Islam benar-benar menghormati kedatangan Ramadhan? Tidak dinafikan, masyarakat yang berada di jalanan, di pasar termasuk di bazar Ramadhan, di pasar raya, di pejabat kerajaan, di hotel dan di mana-mana sahaja. Apakah disana wujud suasana penghayatan dan penghormatan terhadap Ramadhan? atau sebaliknya ?

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Mari kita bermuhasabah sedalam-dalamnya dan meneliti persoalan ini: adakah masyarakat Islam menyambut Ramadhan yang mulia ini dengan perasaan segan dan silu. Sentiasa menjaga tatasusila batasan-batasan Ramadhan?. Memelihara dan menghormati atau masih ada yang bersikap biadab makan di khalayak ramai, meninggalkan solat, melakukan maksiat dan tidak memperlihatkan perbezaannya dengan bulan-bulan yang lain. Sedangkan sepatutnya di bulan Ramadhan inilah penghormatan itu perlu dilebihkan lagi.



Firman dalam surah al-Ahzab ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ  
أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ <sup>قُلْ</sup> وَمَنْ يَعْصِ  
اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا ﴿٣٦﴾

*"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan-apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara-(tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".*

Hadis daripada Abdullah bin 'Amru R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا  
لِمَا جِئْتُ بِهِ.

*"Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah ia menundukkan kehendaknya sesuai dengan agama yang aku bawa".*

*(Imam An-Nawawi)*

Seterusnya persoalan yang lain ialah: adakah umat Islam merasa takut dan gementar dalam menyambut bulan Ramadhan yang mulia ini jika ia terus menjadi penderhaka kepada Allah yang



maha gagah perkasa? Sedangkan Allah telah memberikan amaran kepada mereka melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 40:

... وَإِئْتِي فَارْهَبُونَ ﴿٤٠﴾

*"Dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain)"*

Firman-Nya lagi dalam surah al-Qamar ayat 48:

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِي النَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُقُوا مَسَّ سَقَرٍ ﴿٤٨﴾

*"Semasa mereka diseret di dalam neraka (dengan tertiarap) atas muka mereka, (serta dikatakan kepada mereka): "Rasalah kamu bakaran api neraka"*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Ramadhan demi Ramadhan, nuzul demi nuzul, cukuplah jika anda telah bersedia untuk menerima perubahan, keluarlah dari kepompong jahiliah, menjadi manusia baru yang telah dibersihkan. Sesungguhnya minda Melayu tradisional sangat peka dalam kecintaan untuk berubah kepada yang lebih baik, sehingga terpancar falsafah dalam perumpamaan Melayu yang membayangkan betapa hinanya jika tidak mahu berubah. Perumpamaan tersebut berbunyi: *"Sepuluh Jong Berlabuh Anjing Masih bercawat ekor"*.



Ertinya berpuluh-puluh kapal dagangan masuk membawa barang-barang dagangan termasuk pakaian dan peralatan untuk memenuhi tuntutan hidup yang lebih maju dan bertamadun namun sekelompok manusia masih enggan menerima perubahan bagaikan anjing yang hanya bercawatkan ekor.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَهُرَّ مَعْقَبَاتٍ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ ۖ يَحْفَظُونَهُ  
مِنَ أَمْرِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا  
مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۚ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا ۖ فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ  
وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ ۚ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

*"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya".*

(Al-Ra'd : 11)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ  
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ،  
وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ  
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ  
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى  
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ  
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورَ ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِيُولِيَ عَهْدِ  
سَلَاعُورَ ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ



شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ  
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan



berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ  
أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا  
فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ  
وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.